

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.21/2024

PENILAIAN PRESTASI STAF TAHUN 2024

Dimaklumkan bahawa Penilaian Prestasi Staf Tahun 2024 secara dalam talian (*online*) bagi Staf Akademik (e-LPPT) dan Staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana (e-LNPT) akan dilaksanakan mengikut jadual seperti di Lampiran. Bagi memastikan urusan penilaian prestasi staf tahun 2024 dapat dilaksanakan mengikut perancangan, semua staf hendaklah mematuhi jadual yang telah ditetapkan. **Staf diingatkan agar mengambil tindakan untuk memasukkan KAI di dalam Sistem Penilaian Prestasi (e-LNPT/e-LPPT) lebih awal seperti yang ditetapkan dalam jadual** bagi melancarkan proses semakan dan pengesahan data.

2. Menjadi kewajipan dan tanggungjawab setiap staf untuk mengisi dan melengkapkan borang penilaian e-LPPT/e-LNPT. Sila ambil perhatian bahawa semua staf (yang layak) adalah tidak dikecualikan daripada mengisi dan melengkapkan borang penilaian e-LPPT/e-LNPT. Bagi staf yang akan menamatkan perkhidmatan pada tahun penilaian tetapi berkhidmat lebih enam (6) bulan pada tahun penilaian, sila lengkapkan penilaian menggunakan Borang Laporan Penilaian Prestasi Khas (LNPK) dan dikembalikan kepada Pegawai Sumber Manusia (PSM) Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum menamatkan perkhidmatan.

3. Tindakan akan dikenakan kepada mana-mana Pegawai Yang Dinilai (PYD) atau Pegawai Penilai (Pegawai Penilai Pertama (PPP)/Pegawai Penilai Kedua (PPK)) yang gagal melengkapkan/menyelesaikan penilaian yang dipertanggungjawabkan dalam tempoh yang ditetapkan sepertimana berikut:

- a) Tindakan tatatertib kerana ingkar perintah;
- b) Tiada Pergerakan Gaji Tahunan (PGT);
- c) Tidak layak menerima sebarang anugerah pada tahun semasa (termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang);
- d) Tidak disambung perkhidmatan kontrak (bagi staf kontrak);
- e) Ditangguhkan bayaran ganjaran kontrak (*gratuity of contract*) (bagi staf kontrak).

4. Kerjasama daripada semua staf amat diperlukan bagi memastikan pengurusan penilaian prestasi dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini bagi membolehkan urusan perkhidmatan seperti pergerakan gaji tahunan, penganugerahan perkhidmatan cemerlang, kenaikan pangkat, pengesahan dalam perkhidmatan, persaraan dan lain-lain berkaitan dapat

dilaksanakan dengan lebih teratur.

5. Tempoh masa pelaksanaan dalam jadual yang ditetapkan dalam Pekeliling ini adalah muktamad dan **sebarang rayuan bagi pelanjutan tempoh pelaksanaan tidak akan dipertimbangkan.**

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

JADUAL UMUM PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF BAGI TAHUN 2024

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
1.	PENENTUAN KELAYAKAN PENILAIAN, KLASIFIKASI DAN PEGAWAI PENILAI i. Menetapkan kelayakan penilaian LPPT dan LNPT. ii. Kemaskini klasifikasi LPPT dan semakan jika ada perubahan. iii. Menetapkan dan mengemaskini penentuan Pegawai Penilai	10 Jun – 24 Jun 2024 10 Jun – 24 Jun 2024 10 Jun – 24 Jun 2024	PSM PSM PSM
2.	PENETAPAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) / KEY AMAL INDICATOR (KAI) (Awal Tahun) i. Mengadakan perbincangan bagi menetapkan SKT/KAI antara Pegawai Penilai dan PYD ii. Memasukkan SKT/KAI di dalam sistem 7P bagi staf akademik dan Inpt bagi staf PPP	25 Jun – 31 Julai 2024	PYD / PPP / PPK PYD
3.	PENILAIAN 360 DARJAH LNPT i. Penjanaan PPR (Pegawai Penilai Rakan Sekerja) ii. Penjanaan PPS (Pegawai Penilai Subordinat) iii. Penilaian dan Pengisian markah 360 darjah oleh PPR dan PPS (LNPT 360)	21 Julai - 4 Ogos 2024 21 Julai - 4 Ogos 2024 1 - 9 Januari 2025 (Sehingga 5.00 petang)	PYD PSM PPR & PPS
4.	PEMILIHAN MAJOR LPPT i. Pemilihan Major oleh PYD ii. Pengesahan PSM iii. Kelulusan Dekan	Akan dimaklumkan kemudian 19 - 30 Ogos 2024	PYD PSM Dekan
5.	KAJIAN SEMULA KAI AKHIR TAHUN i. Semakan kajian semula KAI berdasarkan pencapaian kerja sebenar ii. Kemaskini KAI dan sasaran	1- 30 Disember 2024	PYD / PPP

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
6.	KEMASUKAN MAKLUMAT KEGIATAN SUMBANGAN / 7P Mengisi dan memasukkan butir-butir pencapaian kerja sepanjang tahun: i. Maklumat Kegiatan Sumbangan serta bonus LNPT ii. Maklumat di Sistem Rekod 7P, RADIS, Innocoms, Icesys, AIMS, Kualiti Pengajaran serta bonus LPPT iii. Mengemaskini maklumat / pembetulan sekiranya telah disemak oleh Pegawai Penilai	15 Julai - 30 Disember 2024*	PYD
7.	PENGHANTARAN LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN	30 Disember 2024*	PYD
8.	PENGESAHAN MAKLUMAT KEGIATAN, SUMBANGAN Meneliti, mengesahkan dan menilai maklumat yang dimasukkan oleh PYD di LNPT	10 - 30 Januari 2025* (LNPT)	PSM/PPP/ PIC SISTEM
9.	PENGESAHAN DATA LPPT Pengesahan Data Innocomms, Webometrik, RADIS (Penyelidikan, Penerbitan), IceSys, econtent	Dibuat secara berfasa sehingga 09 Januari 2025*	PIC SISTEM ICC, HEK, CCIN,RMC, PERPUSTAKAAN, UTM PRESS, UTM CDEX
10.	PENGESAHAN DAN PENILAIAN PEGAWAI PENILAI PERTAMA / PANEL PENILAIAN PRESTASI LPPT DAN LNPT i. Pengesahan maklumat dan penilaian ii. Perbincangan prestasi antara PPP dan PYD iii. Pindaan markah penilaian PPP (jika berkaitan) selepas perbincangan bersama PYD	10 - 30 Januari 2025* (sehingga 5.00 petang)	PPP1, PPP2, PPP3, PANEL FAKULTI

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
11.	PENGESAHAN DAN PENILAIAN PEGAWAI PENILAI KEDUA i. Membuat penilaian dan ulasan secara keseluruhan. ii. Pindaan markah penilaian keseluruhan	1 - 13 Februari 2025* (sehingga 5.00 petang)	PPK
12.	SEMAKAN DAN RAYUAN PINDAAN MARKAH i. Menyemak status penghantaran penilaian ii. Mengemukakan rayuan pindaan markah (jika ada). Rayuan selepas tarikh ini tidak dibenarkan	16 - 22 Februari 2025*	PSM PTJ / BSM PYD
13.	MESYUARAT JKPBPP PTJ Mengadakan mesyuarat JKPBPP di peringkat PTJ	23 Februari - 7 Mac 2025*	PSM PTJ
14.	PENGHANTARAN DOKUMEN JKPBPP i. Menyediakan laporan untuk pertimbangan JKPBPP Universiti ii. Penghantaran Dokumen JKPBPP Universiti iii. Semakan dokumen oleh Urusetia	09 - 12 Mac 2025* 13 MAC 2025* 14 - 22 Mac 2025*	PSM PTJ BSM BSM
15.	MESYUARAT JKPBPP UNIVERSITI Mesyuarat JKPBPP Universiti bersidang	25 - 26 Mac 2025	BSM
16.	SEMAKAN MARKAH AKHIR DI SISTEM Pindaan dan Pengesahan Markah di sistem	27 - 31 Mac 2025*	PSM
17.	ROC Pergerakan Gaji Jan & April	06 April 2025*	PSM / Team ROC

NOTA: * Tertakluk kepada perubahan

Nota:		
CCIN	:	Pusat Jaringan Komuniti Industri
HEK	:	Pejabat Hal Ehwal Korporat
KAI	:	<i>Key Amal Indicator/Key Performance Indicator</i>
PYD	:	Pegawai Yang Dinilai
PPP	:	Pegawai Penilai Pertama
PPK	:	Pegawai Penilai Kedua
PPR	:	Pegawai Penilai Rakan Sekerja
PPS	:	Pegawai Penilai Subordinat
PSM	:	Pengurusan Sumber Manusia
PTJ	:	Pusat Tanggungjawab
JKPBPP	:	Jawatankuasa Pembangunan Bakat dan Pelan Penggantian
PSZ	:	Perpustakaan UTM
SKT	:	Sasaran Kerja Tahunan